

‘Nilai integriti biar setimpal pengiktirafan’

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu nilai integriti penjawat awam setimpal dengan pengiktirafan dan keyakinan yang diberikan kerajaan menerusi pelarasan gaji yang dibuat mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Perdana Menteri berkata, justeru itu, penjawat awam diminta mengenal pasti individu yang merosakkan nama baik perkhidmatan awam.

"Ada yang pertikai, kalau di sekolah, mungkin lebih 90 peratus guru menjalankan tanggungjawab. Ada guru yang cuai. Ada yang kadang-kadang tak hadir. Begitu juga masalah di jabatan.

"Ada golongan kecil rasuah, tak datang kerja...pelbagai masalah. Apakah kita harus beri layanan yang sama?

"Saya jawab tidak. Kita tak akan beri layanan yang sama. Jadi, sementara kita berikan satu anjakan radikal dari segi pengiktirafan dan habuan kepada penjawat awam, saya minta saudara untuk mengawal sendiri dan jabatan.

"Kenal pasti orang yang merosakkan nama baik penjawat awam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perjumpaan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri semalam.

Anwar berkata, penjawat awam juga perlu faham kerajaan



Anwar sampaikan amanat pada Majlis Perjumpaan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam yang turut dihadiri Ahmad Zahid dan Fadillah.
(Foto Mohd Fadii Hamzah/BH)

bertanggungjawab dan komited melaksanakan pelarasan gaji terbabit walaupun negara mewarisi hutang, defisit selain berdepan masalah ketirisan yang masih berlaku.

"Tetapi komitmen kita bagi membantu dengan dana yang ada bagi masyarakat miskin majoriti Melayu Bumiputera, ada kelompok kecil Cina di bandar dan masyarakat India yang relatif miskin terutama di estet dan pinggir bandar, itu komitmen tidak boleh dipertikai.

"Walaupun dalam dunia politik, itu menjadi perbincangan, sa-

ya tidak ada masalah tetapi tanggungjawab kita, komitmen kita harus diteruskan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil keputusan berani dan radikal untuk menaikkan gaji penjawat awam kerana tidak mahu membebankan golongan berkenaan, biarpun situasi ekonomi negara masih belum stabil.

Katanya, sebagai 'bapa' dalam keluarga besar kerajaan, majoriti penjawat awam tidak boleh dibebankan dengan kesalahan

ketirisan dan keterlanjuran hutang negara.

"Jika mengikut pertimbangan dan teori ekonomi, semua kenaikan gaji sewajarnya ditangguhkan hingga ekonomi lebih stabil, maknanya hutang (negara) kurang.

"Tetapi saya lihat dari segi MADANI, ihsan, tahap kecemasan, kemampuan, bagaimana boleh kita bebaskan kepada penjawat awam, kesalahan yang bukannya semuanya berpunca dari mereka, kadang-kadang dari segi pengurusan, kecuaiannya oleh pihak lain," katanya.